

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING  
[KULAI]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:**

- (a) Tarikh *task force* Perkahwinan Bawah Umur ditubuhkan serta pencapaian *task force* setakat ini; dan
- (b) Usaha untuk memastikan mangsa rogol tidak berkahwin dengan perogol.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menangani isu perkahwinan bawah umur, kerajaan melalui Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak telah menubuhkan satu *task force* bagi meneliti isu yang dibangkitkan oleh orang ramai. *Task force* ini ditubuhkan pada 31 Mei 2013 dan dipengerusikan oleh Prof. Madya. Dr. Datin Nor Aziah Awal, Pakar Perundangan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Ahli *task force* terdiri daripada agensi yang berkaitan dengan kanak-kanak seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Kesihatan serta ahli akademik dan aktivis kanak-kanak.

Antara cadangan untuk menangani perkahwinan bawah umur adalah:

- (i) kemungkinan untuk mensyaratkan penyediaan dua jenis laporan iaitu laporan kesihatan oleh doktor perubatan dan

laporan sosial oleh pakar psikologi kanak-kanak. Kedua-dua laporan ini mungkin dapat membantu Mahkamah Syariah (untuk kes orang Islam) dan YAB Ketua Menteri/ Menteri Besar (untuk kes orang bukan Islam) membuat pertimbangan yang sewajarnya sebelum memberi kelulusan untuk perkahwinan bawah umur;

- (ii) mempertingkatkan intervensi dari segi kaunseling di peringkat perundangan atau prosedur bagi kanak-kanak yang ingin berkahwin;
- (iii) intervensi perlu diwujudkan kepada kanak-kanak yang akan berkahwin dan masih belajar agar mereka tidak ketinggalan dari segi pendidikan; dan
- (iv) membuat pemantauan ke atas pasangan yang telah ditolak permohonan pendaftaran perkahwinannya bagi memastikan mereka tidak terlibat dengan gejala yang tidak sihat.

Tiada peruntukan undang-undang yang menghalang mangsa rogol daripada mengahwini mangsa. Walau bagaimanapun, pihak JKM menyediakan sesi kaunseling sebagai salah satu usaha bagi menangani kes perkahwinan bawah umur terutamanya yang melibatkan mangsa rogol bawah umur mengahwini perogol.

**SOALAN ( 293 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING  
[ KULAI ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rancangan Kerajaan untuk membantu pembeli rumah Taman Permata Impian yang sudah terbengkalai selama 12 tahun untuk mendapat balik wang mereka, seperti yang dikaji dalam satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Jabatan Perumahan Negara pada 4.3.2015.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Perumahan Taman Permata Impian, Kulai yang dimajukan oleh Renewed Development Sdn. Bhd. melibatkan 284 unit Rumah Kedai 2 Tingkat (RK2T) dimana perjanjian jual beli yang pertama adalah pada tahun 2002.

Projek ini adalah pemajuan komersial dibawah pemantauan Majlis Perbandaran Kulai dan tidak perlu dilesenkan mengikut Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta118].

Namun demikian, KPKT telah mengambil inisiatif berkenaan perkara tersebut dengan mengambil tindakan untuk meletakkan projek ini dibawah kategori Projek Perumahan Tanpa Lesen. Oleh kerana projek ini dilaksanakan tanpa APDL, maka tindakan perundangan di bawah Akta 118 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 tidak dapat dilaksanakan.

Oleh yang demikian, Kementerian sedang dalam tindakan mengkaji kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah pembeli bersama pemaju untuk mendapatkan balik deposit atau wang yang dibayar kepada pemaju berdasarkan peruntukkan perundangan sedia ada.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016